




Factsheet CAT05

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 5: mengaturkan tempat tinggal atau penjagaan kanak-kanak

Malay | Bahasa Melayu



Mengaturkan tempat tinggal atau penjagaan kanak-kanak, sama ada di tempat yang ada tempat tinggal atau di rumah orang, tetapi tidak termasuk urusan **tidak rasmi (informal arrangement)** oleh **ibu bapa (parent)** **kanak-kanak (child)** itu atau tempat tinggal/penjagaan yang diadakan oleh **saudara mara (relative)**.

Acara bermalam yang diselenggarakan di tempat yang tetap, seperti rumah tumpangan atau asrama sekolah, mungkin termasuk dalam kategori ini.

Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap [kerja berkenaan kanak-kanak](#). Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan **ada (involve)**, kontak dengan seorang kanak-kanak. Jawatan yang berkaitan termasuk:

- orang yang tugas biasanya ada kontak dengan kanak-kanak di asrama sekolah, kolej tempat tinggal, dan asrama sekolah negeri
- pekerja tempat perlindungan dan orang lain yang tugas biasanya ada kontak dengan kanak-kanak di tempat perlindungan belia yang menyediakan tempat tinggal krisis atau darurat
- orang yang menyediakan khidmat hari berehat 'bukan di rumah', atau khidmat penjagaan dengan tempat tinggal, atau khidmat penjagaan berehat 'di rumah' untuk kanak-kanak
- orang yang menyediakan 'home stay' atau penginapan untuk kanak-kanak, termasuk ahli keluarga dewasa yang menguruskan penginapan untuk kanak-kanak, misalnya menghantar kanak-kanak untuk mengikuti aktiviti
- pelajar sekolah menengah dewasa yang membantu aktiviti kokurikulum khas untuk kanak-kanak mengikut aturan rasmi di sekolah asrama atau tempat tinggal lainnya.

Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa [exemption](#) untuk kategori ini:

- sukarelawan remaja yang umurnya kurang 18 tahun

- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak mengikuti aktiviti, atau biasanya mengikuti aktiviti, dan ibu atau bapanya menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#)
- pegawai polis yang melakukan tugas sebagai anggota WA Police
- acara nasional atau jelajah nasional sekali sahaja, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours](#)
- kerja yang dibuat di tempat tinggal yang terhubung dengan tempat tinggal universiti atau institusi pendidikan tinggi lainnya, atau sebahagian besar digunakan oleh pelajar institusi tersebut.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au